KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	28.02.22	MUKA SURAT	:	49
JABATAN	:	SURUHANJAYA TENAGA			

Skim NEM lonjak guna tenaga boleh baharu

Pengenalan Skim Permeteran Tenaga Bersih (NEM) yang kini memasuki tahun keenam berjaya menggalakkan penggunaan tenaga boleh baharu di semua premis kediaman, komersial dan industri.

NEM yang dimulakan pada 2016 terus dilaksanakan tahun ini dengan pengenalan NEM 3.0 berkapasiti 800 megawatt yang menunjukkan kadar pengambilan melebihi 40 peratus membabitkan tiga kategori, iaitu NEM Rakyat, NEM Gomen dan NEM Nova.

Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Tenaga, Abdul Razib Dawood, berkata kapasiti yang diperuntukkan menerusi NEM 3.0 adalah 600 megawatt untuk NEM Nova dan masing-masing 100 untuk NEM Rakyat dan NEM Gomen.

Katanya, kadar pengambilan NEM kini sangat memberangsangkan dan masih mempunyai banyak kuota yang boleh diambil oleh pelanggan berasaskan konsep 'siapa cepat, dia dapat'.

"Kadar pengambilan yang terkini untuk domestik menerima pelanggan sebanyak kuota 25 peratus serta baki 75 peratus dan untuk NEM Gomen bangunan kerajaan dan agensi kerajaan 18 peratus.

"Bagi NEM Nova berkapasiti dari 600 megawatt, ia dilanggan sebanyak 50 peratus. Program 'siapa cepat dia dapat' ini akan tamat pada 2023," katanya ketika menjadi tetamu pada program Agenda Awani bertajuk 'Pengguna Tenaga Pintar' terbitan Astro Awani, baru-baru ini.

Abdul Razib berkata, menerusi NEM, pengguna boleh memasang solar panel di bumbung masing-masing dan dijana tenaga solar fotovoltaik (PV) untuk kegunaan sendiri, manakala baki selebihnya boleh dieksport ke grid di bawah seliaan Tenaga Nasional Bhd (TNB) untuk dikreditkan dalam bil bulanan.

Bagi NEM Nova pula, sasaran pengguna adalah pelanggan komersial dan industri.

"Nova adalah singkatan nama *Net Offset Virtual Aggregation*, ia bermaksud ST membenarkan *offset* lebih satu premis dalam satu akaun dan pelanggan boleh menjana maksimum satu atau lima megawatt (bergantung kepada kategori) dan boleh digunakan untuk *offset*. Itu yang dipanggil sebagai *aggregation* membabitkan bangunan disebabkan oleh kekangan saiz bumbung premis.

"Sehubungan itu, ST membenarkan lebih satu premis untuk berkongsi penjanaan tenaga boleh baharu di beberapa premis di bawah satu nama atau akaun.

"Perlu diingat bukan saja kita perlu bergantung kepada unit akses eksport kepada TNB dan selagi kilang atau premis menggunakan elektrik yang dijana sendiri, ia mungkin lebih murah daripada belian utiliti.

"Kalau kita perhatikan, *Levelised Cost of Energy* (LCOE) lebih murah daripada yang dibeli daripada grid dan itu penjimatan yang dihasilkan bagi setiap program NEM," katanya.

Abdul Razib berkata, ST turut melancarkan inisiatif Tarif Elektrik Hijau (GET) pada Disember tahun lalu bertujuan untuk mengurangkan jejak karbon dalam penggunaan elektrik harian.

Antara faedah GET, pengguna akan dibekalkan bekalan elektrik daripada sumber tenaga boleh baharu seperti daripada loji solar dan loji jana kuasa hidro, selain diberikan sijil Malay sian Renewable Energy Certificate (MREC) berdaftar dan diiktiraf pada peringkat antarabangsa.

BERNAMA

> "Kadar pengambilan NEM kini sangat memberangsangkan dan masih mempunyai banyak kuota boleh diambil pelanggan berasaskan konsep 'siapa cepat, dia dapat'"



Abdul Razib Dawood, *Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Tenaga*